



nformika

Jurnal Peradaban Informasi Dan Ilmu

Tema : Sentuhan Intelektual Membaca Karya-karya Besar

Informika

Jilid 2, 2013

Penerbit

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Sidang Editor

Shaharom TM Sulaiman (Ketua)
Wan Ab. Kadir Wan Dollah (Timbalan Ketua Editor)

Editor Pelaksana

Mohamad Noorman Masrek
Siti Arpah Noordin
Mohd Jailani Paiman
Husain Hashim
Hasnah Hashim
Mohd Sazili Shahibi

Editor

Prof. Dr. Adnan Jamaludin – Universiti Teknologi MARA
Prof. Madya Dr. Hj. Laili Hj. Hashim – Universiti Teknologi MARA
Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad – Universiti Teknologi MARA
Prof. Madya Fuziah Mohd Nadzar – Universiti Teknologi MARA
Prof. Madya Dr. Rusnah Johare – Universiti Teknologi MARA
Prof. Dr. Sohaimi Zakaria – Universiti Teknologi MARA
Prof. Dato' Dr. Raja Abdullah Yaacob – Universiti Teknologi MARA

Editor Perunding

Prof. Emeritus Dato' Dr. Osman Bakar – Universiti Brunei Darussalam
Prof. Dr. Ding Choo Ming – Universiti Kebangsaan Malaysia
Prof. Dr. Abu Hassan Hasbullah – Universiti Malaysia Kelantan
Dr. Roosfa Hashim – Universiti Kebangsaan Malaysia
Dr. Wan Ali Wan Mamat – Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Alamat Penerbit

Kampus Puncak Perdana,
40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
(Tel.: 03-79622020 Faks.: 03-79622007)

Harga : RM 20 (Malaysia)
: USD 20 (Luar Negara)

INFORMIKA
JILID 2, 2013
ISSN 2231-7104

Bil	Kandungan	M/S
1	Sentuhan Intelektual Membaca Karya-Karya Agung Melayu <i>Ding Choo Ming</i>	1-20
2	Perpustakaan Pembina Tamadun <i>Muhammad Hj. Salleh</i>	21-24
3	Penerbitan Popular dan Penerbitan Ilmiah: Sejauh Mana Membentuk Minat Membaca Masyarakat <i>Zulkarnain Zakaria</i>	25-36
4	Ilmu dan Ilmu Pengetahuan dari Perspektif Islam <i>Norasiah Haji Harun</i>	37-42
5	Peranan Perpustakaan-perpustakaan Luar Bandar dalam Pembentukan Modal Insan yang Bernilai Tinggi <i>Norehan Ahmad dan Haliza Yahaya</i>	43-54
6	Kajian Etnografi Tingkah Laku Maklumat Pesalah Juvana Lelaki di Malaysia <i>Ezza Rafedziawati Kamal Rafedzi, Abrizah Abdullah dan Nur Khairunnisha Zainal</i>	55-68
7	Memaksimumkan Pengguna Pusat Sumber Sekolah (PSS) Sebagai Agen Kecemerlangan Akademik <i>Zailani Shafie, Nor Ezan Omar dan Nor Diana Abd Rahman</i>	69-78
8	Pengabstrakan dan Pengindeksan di Malaysia: Satu Tinjauan <i>Abd Rashid Abd Rahman, Fuziah Mohd Nadzar dan Rosnita Sahrani</i>	79-94
9	Persepsi Terhadap Kredibiliti Maklumat di Internet dari Kalangan Generasi Muda Melayu (Pelajar UiTM) <i>Mohd Sazili Shahibi, Mazwani Ayu Mazlan, Hamka Mohd Noor dan Muhammad Saufi Mohd Hanafiah</i>	95-101
ULASAN BUKU		
1	Tokoh- tokoh Negara dari Kacamata Pustakawan <i>Shaharom TM Sulaiman</i>	103-104
2	Perpustakaan Digital: Isu dan Cabaran <i>Shaharom TM Sulaiman</i>	105-106

Suggested Cataloguing-in-Publication Data

Informika: Jurnal Peradaban Informasi dan Ilmu

Vol. 2 (2013) -

Shah Alam: Fakulti Pengurusan Maklumat

ISSN 2231-7104

1. Library science - Periodicals. 2. Library Science - Malaysia - Periodicals
3. Library science - Developing countries - Periodicals. I. FPM II.Z671

©2013 Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM

Pendapat dalam makalah yang disiarkan tidak semestinya mewakili pendapat Editor jurnal ini atau pengurusan pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM.

PERSEPSI TERHADAP KREDIBILITI MAKLUMAT DI INTERNET DARI KALANGAN GENERASI MUDA MELAYU (PELAJAR UiTM)

Mohd Sazili Shahibi, Mazwani Ayu Mazlan

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA,
Kampus Puncak Perdana
40150 Shah Alam.

Hamka Mohd Noor, Muhammad Saufi Mohd Hanafiah

Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam.

ABSTRAK : *Kajian ini adalah mengenai persepsi pelajar terhadap kredibiliti maklumat di internet. Sampel telah dipilih daripada 509 orang sampel yang terdiri daripada pelajar UiTM tahun akhir di sekitar kawasan Selangor. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi generasi muda Melayu, terutamanya dari kalangan pelajar-pelajar Universiti. Teknik-teknik statistik yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian Khi-Square kebebasan dan analisis Regresi Linear Berganda. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti pelajar mempunyai persepsi yang neutral terhadap kebolehpercayaan, ketepatan, keadilan, kepentingan dan kedalaman sesuatu maklumat. Di samping itu, pelajar juga didapati bergantung kepada kebolehpercayaan, ketepatan, keadilan, kepentingan dan kedalaman sesuatu maklumat dalam memilih jenis maklumat yang boleh dipercayai. Selain itu, reka bentuk web, pengaruh pengguna internet yang lain dan sumber maklumat didapati merupakan faktor yang ketara yang boleh mempengaruhi kredibiliti maklumat di internet.*

Kata Kunci: *Internet, Maklumat, Persepsi, Kredibiliti, Melayu*

Pengenalan Kajian

Kepentingan maklumat dalam kehidupan manusia adalah sesuatu yang hakiki dan tidak boleh dinafikan. Dengan memanfaatkan maklumat manusia dapat mengintegrasikan pengetahuan dalam membina tamadun. Kini di zaman ledakan teknologi maklumat orang ramai khususnya golongan muda telah melayari Internet dihidangkan dan disogokkan dengan perlbagai jenis maklumat. Tidak semua maklumat yang diakses diketahui kebenaran dan kesasihihan sumbernya. Walabagaimanapun maklumat yang diperolehi memberikan kesan yang besar kepada pengguna kerana ianya akan mempengaruhi sikap dan cara membuat keputusan dalam kehidupannya seseorang. Ditambah pula dengan kemajuan aplikasi teknologi Internet seperti blog, Youtube, Facebook, twitter dan sebagainya ianya memberikan sesiapa sahaja hak kebebasan berkongsi dan menyebarkan maklumat ke ruang siber kepada semua pengguna internet tanpa melalui proses penyaringan pembuktian bahawa maklumat yang disebarkan adalah satu kebenaran dan tidak membawa kepada kemudaratannya pembaca. Selain dari itu ciri Internet sebagai satu sistem terbuka dalam bermaklumat telah membawa kepada penyebaran maklumat berita berbentuk provokasi perkauman atau agama dalam internet yang boleh menggugat kestabilan politik negara jika dibiarkan berleluasa. Kebebasan bermaklumat yang dibawa oleh teknologi aplikasi Internet tanpa peraturan yang jelas menentukan kredibiliti maklumat untuk dipercayai boleh membawa kepada kemungkinan wujudnya maklumat yang tidak ketentuan kepada

pemikiran masyarakat terutamanya kepada golongan generasi muda Melayu yang bakal menjadi pemimpin Negara di masa akan datang.

KAJIAN LITERATUR

Kini, anak-anak muda di Malaysia mendapatkan maklumat dari internet untuk pelbagai tujuan, terutamanya bagi proses mendapatkan maklumat dalam pembelajaran. Malangnya, tidak semua maklumat yang mereka perolehi daripada internet adalah boleh dipercayai. Kredibiliti adalah salah satu kriteria yang digunakan untuk menapis maklumat (Wathen and Burkell, 2002). Kredibiliti ditakrifkan sebagai “penilaian yang dibuat terhadap kebolehpercayaan kepada sesuatu perkara” (O’Keefe, 1990). Berikutan maklumat di internet merebak dengan mudah tanpa dipantau oleh mana-mana pihak berkuasa terhadap kredibilitinya, banyak kajian telah dibuat oleh penyelidik untuk melihat sama ada kredibiliti boleh mempengaruhi persepsi pengguna internet, dan juga sejauh mana maklumat di internet boleh dipercayai berbanding dengan media tradisional seperti televisyen, akhbar dan radio.

Salah satu contoh kajian adalah kajian mengenai “*Perceptions of Internet information credibility*”, yang dijalankan oleh Flanagin dan Metzger (2000). Kajian ini dibuat untuk membandingkan kredibiliti maklumat antara televisyen dan internet selain mengkaji kredibiliti maklumat dari pelbagai jenis maklumat ke atas media yang berbeza. Keputusan menunjukkan bahawa maklumat internet adalah tiada perbezaan dari segi boleh dipercayai dengan televisyen. Mereka juga mendapati bahawa di antara jenis maklumat yang dilihat, seperti berita dan hiburan, mempunyai kadar kredibiliti yang berbeza-beza mengikut saluran media dan sumber. Dalam erti kata lain, jenis sumber maklumat yang mempunyai kredibiliti yang berbeza mengikut jenis maklumat tertentu.

Contoh lain telah dijalankan oleh Mehrabi D. et. al (2009) mengenai “*News Media Credibility of the Internet and Television*” untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi kakitangan profesional bukan akademik terhadap kredibiliti media. Kaji selidik itu telah menggunakan kaedah persampelan sistematik ke atas 270 orang sampel. Keputusan kajian menunjukkan bahawa televisyen adalah lebih boleh dipercayai berbanding Internet. Ia juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan positif antara isu, media pergantungan dan penggunaan media dengan persepsi kredibiliti internet dan televisyen (Mehrabi D. et. al, 2009). Kajian ini adalah agak sama dengan Flanagin dan Metzger (2000). Oleh itu, untuk meluaskan lagi pengetahuan dalam menyiasat kredibiliti di internet khususnya kepada pelajar Melayu di Malaysia, kajian mengenai persepsi pelajar terhadap kredibiliti internet dijalankan bagi meluaskan lagi tahap pengetahuan berkenaan kredibiliti maklumat di Internet. Dalam kajian ini sudut aspek dan faktor-faktor yang lain akan disiasat bagi menentukan kredibiliti maklumat di internet dan persepsi pengguna kepada maklumat.

Menurut Stair R. (2008), terdapat beberapa aspek yang boleh digunakan dalam mengukur maklumat tertentu iaitu dari segi ketepatan dan kecekapan maklumat, kos untuk mendapatkan maklumat, tahap kebolehpercayaan dan kebolehujaian maklumat tersebut. Sebaliknya, menurut satu kajian yang dibuat oleh Johnson et. al. (2008), mereka telah melakukan kajian kredibiliti maklumat berdasarkan kepada indeks kredibiliti yang menggabungkan aspek kebolehpercayaan, keadilan, ketepatan, dan kedalaman sesuatu maklumat. Dalam kajian itu, mereka telah membandingkan persepsi kredibiliti suatu blog di antara responden yang banyak bergantung terhadap blog tersebut dengan pengguna yang kurang bergantung blog tersebut. Kajian ini menggunakan kadar kebolehpercayaan, keadilan, ketepatan, dan kedalaman terhadap maklumat yang diberi bagi mengukur tahap kredibiliti blog tersebut. Berdasarkan keputusan mereka dengan menggunakan aspek-

aspek tersebut, mereka mendapati pengguna yang banyak bergantung kepada blog adalah lebih mempercayai keseluruhan maklumat berbanding pengguna yang kurang bergantung.

Salah satu faktor yang memberi kesan kepada persepsi kredibiliti maklumat di internet, berdasarkan penyelidikan terdahulu oleh Luo (2006), beliau mendapati bahawa on-screen characters (OCS) seperti karakter berbentuk manusia dan karton yang digunakan di dalam laman web memberi impak yang besar terhadap kredibiliti maklumat di internet. Dari segi perspektif bisnes, laman web yang mempunyai reka bentuk yang unik dan on-screen characters (OCS) mampu mempengaruhi kepercayaan pelanggan di internet kerana ia di reka untuk memberikan servis yang memudahkan kepada kedua-dua pelanggan dan penjual. Ini membuktikan reka bentuk sesuatu laman web juga boleh membantu mempengaruhi dalam memelihara hubungan antara pelanggan dan penjual dari segi pengaruh persepsi pelanggan terhadap penjual.

Sumber maklumat dari internet juga adalah satu faktor yang boleh mempengaruhi persepsi terhadap kredibiliti maklumat di internet (Rieh. Al., 1998). Rieh Al. (1998) telah menjalankan satu kajian terhadap sesuatu maklumat di dalam web dengan menilai tahap kredibiliti mengikut dua peringkat sumber iaitu peringkat institusi dan individu. Dalam kajian mereka, didapati kebiasaannya pengguna internet akan mencari maklumat di web melalui laman web yang mereka dapat daripada pakar-pakar, rakan-rakan di fakulti, profesor, artikel yang diterbitkan, dan surat khabar. Ini adalah kerana mereka merasakan bahawa jenis sumber yang mempunyai kredibiliti dijamin kualiti maklumat kerana mereka tidak dapat menilai kualiti di web tanpa merujuk kepada sumber-sumber ini (Rieh. Al., 1998). Kajian ini juga mendapati pengguna internet lebih cenderung untuk bertanya sesuatu maklumat kepada orang yang mereka percaya dimana sumber tersebut boleh dipercayai dan pemeriksaan ke atas latar belakang sumber tersebut telah dilakukan. Hasil kajian juga telah menyokong Wilson (1983) yang membawa hujah-hujah mengenai hubungan antara kredibiliti sumber di mana beliau mendakwa bahawa kebanyakan pengguna melakukan beberapa jenis ujian dahulu untuk sebelum mengiktiraf maklumat tersebut melalui latar belakang penulis, badan berkuasa institusi, jenis dokumen dan kandungan teks (Rieh. al., 1998).

Faktor lain yang mempengaruhi persepsi adalah pengaruh dari pengguna internet yang lain. Houston et. al. (2011) telah melakukan kajian untuk memahami bagaimana komen pengguna dapat mempengaruhi persepsi individu berat sebelah media dan persepsi orang ketiga dalam berita politik dalam talian. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa komen pengguna boleh mempengaruhi persepsi yang berat sebelah dalam menggambarkan calon presiden (Houston et. al. 2011), Di samping itu beliau mendapati komen pengguna juga boleh mempengaruhi persepsi seseorang di mana maklumat diperoleh dari berita atas talian dan ianya memberikan kesan kepada persepsi terhadap politik orang lain. Oleh itu, kajian ini telah membuktikan bahawa terdapat hubung kait antara pengaruh dari pengguna internet yang lain ke atas persepsi terhadap suatu maklumat.

Secara ringkas, berdasarkan kajian yang pernah dilakukan, reka bentuk web, sumber maklumat dan pengaruh dari pengguna internet yang lain didapati boleh faktor yang boleh mempengaruhi tahap persepsi terhadap kredibiliti maklumat pengguna di internet. Oleh itu, kajian semula terhadap faktor-faktor ini akan dilaksanakan kepada pelajar untuk melihat sama ada mereka juga dipengaruhi oleh faktor-faktor ataupun tidak.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah:

Untuk menyiasat hubung kait di antara jenis maklumat yang digemari oleh pelajar-pelajar di Internet dan persepsi mereka terhadap kredibiliti maklumat di internet sama ada ianya boleh dipercayai, tepat, adil, yang penting dan mendalam.

Untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi generasi muda, terutama pelajar tentang kredibiliti maklumat di internet.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif di mana data utama digunakan dan diperolehi hasil daripada edaran borang kaji selidik. Kajian ini menggunakan reka bentuk keratan rentas tunggal di mana sampel diambil sekali daripada populasi, dan maklumat yang diperolehi daripada sampel ini hanyalah sekali. Data yang dikumpul adalah berdasarkan persampelan rawak mudah dimana responden telah dipilih dari UiTM di sekitar Shah Alam. Empat kampus UiTM telah dipilih sebagai untuk pengumpulan data; iaitu UiTM Shah Alam, UiTM INTEC Seksyen 17 Shah Alam, UiTM Puncak Perdana dan UiTM Puncak Alam. Sebanyak 509 borang kaji selidik telah diedarkan kepada pelajar-pelajar dan kesemua borang kaji selidik telah siap dan diterima kembali dari pelajar. Ujian Kebebasan Khi-square dan linear regresi berganda telah digunakan untuk menganalisis data yang dikumpul bagi mencapai objektif.

DAPATAN KAJIAN

Objektif 1: Untuk menyiasat hubung kait di antara jenis maklumat yang digemari oleh pelajar-pelajar di Internet dan persepsi mereka terhadap kredibiliti maklumat di internet sama ada ianya boleh dipercayai, tepat, adil, yang penting dan mendalam.

Ujian Khi-Square Kebebasan telah digunakan untuk objektif ini. Berdasarkan Jadual 1, kita boleh membuat kesimpulan bahawa:

1. Terdapat hubungan yang signifikan antara jenis maklumat yang pelajar yang paling digemari di internet dengan tahap persepsi kebolehpercayaan pelajar, $\chi^2 (12) = 28.30$, $p = 0,005$
2. Terdapat hubungan yang signifikan antara jenis maklumat yang pelajar yang paling digemari di internet dengan tahap persepsi keadilan pelajar, $\chi^2 (12) = 21.58$, $p = 0,043$
3. Terdapat hubungan yang signifikan antara jenis maklumat yang pelajar yang paling digemari di internet dengan tahap persepsi ketepatan pelajar, $\chi^2 (12) = 16.16$, $p = 0,184$
4. Terdapat hubungan yang signifikan antara jenis maklumat yang pelajar yang paling digemari di internet dengan tahap persepsi kepentingan pelajar, $\chi^2 (12) = 22,72$, $p = .030$
5. Terdapat hubungan yang signifikan antara jenis maklumat yang pelajar yang paling digemari di internet dengan tahap persepsi kedalaman pelajar, $\chi^2 (12) = 39.07$, $p < .001$

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kredibiliti Maklumat di Internet

Menariknya mengenai kajian ini, semua faktor-faktor yang dipilih dan telah diuji dalam regresi linear berganda mempunyai hubungan dan berpengaruh kepada maklumat keseluruhan persepsi kredibiliti. Ia telah membuat kesimpulan bahawa sumber maklumat merupakan faktor paling berpengaruh dalam menentukan persepsi pelajar terhadap kredibiliti maklumat keseluruhan. Kemudian ia diikuti oleh reka bentuk web dan pengaruh dari pengguna internet yang lain. Semua faktor-faktor yang mempunyai hubungan yang positif dengan persepsi keseluruhan. Di samping itu, penemuan ini juga telah menyokong penyelidikan yang hampir sama dibuat oleh Rieh S. Y. et. al. (1998) yang mengatakan terdapat hubungan antara jenis sumber maklumat dan kredibiliti maklumat dan Hujah Houston et. al. (2011) yang mengatakan terdapat hubungan antara pengguna internet yang lain (orang ketiga) dalam mempengaruhi kredibiliti maklumat di internet.

CADANGAN

Berdasarkan hasil daripada kesimpulan yang kita dapat, terdapat beberapa cadangan yang telah dirangkumkan di ruang ini. Antaranya, golongan muda Melayu perlulah mengkaji ketepatan maklumat tersebut dahulu sebelum menentukan kadar kredibiliti maklumat itu. Perbanyakkan bahan rujukan dan sumber untuk menentukan kesahihan sesuatu maklumat. Di samping itu, faktor-faktor yang dapat mempengaruhi pemikiran golongan generasi muda ini juga perlulah dipantau dan disyaratkan satu undang-undang agar ianya tidak melanggar batas bagi tujuan untuk mengelak daripada golongan muda mempunyai pola pemikiran yang tidak sihat terhadap keharmonian negara khususnya.

BIBLIOGRAFI

- Flanagin, A. et. al (2007). The Role of Site Features, User Attributes, and Information Verification Behaviors on the Perceived Credibility of Web-Based Information. *New Media and Society*, 9(2), 319-342.
- Houston J. B., Hansen G. J. and Nisbett G. S. (2011), Influence of User Comments on Perceptions of Media Bias and Third-Person Effect in Online News retrieved on 15 June 2013 from <http://enx.sagepub.com/content/5/2/79.short>
- Johnson T. J. & Kaye B. K (2000), Using is believing: the influence of reliance on the credibility of online political information among politically interested Internet users, *J&MC Quarterly*, Vol. 77, No. 4, pp 865-879.
- Luo, F. T (2006), On- screen characters: their design and influence on consumer trust. *Journal of Services Marketing*, Vol. 20 No. 2, pp 112-124.
- Mehrabi D. et. al (2009). News Media Credibility of the Internet and Television, *European Journal of Social Sciences*, Vol. 11, No. 1 (2009), pp 136-148
- O'Keefe, D. J., 1990. *Persuasion: theory and research*. Newbury Park: CA: Sage.
- Rieh S. Y., Belkin N. J (1988). *Understanding Judgment of Information Quality and Cognitive Authority in the WWW* retrieved on 11 June from citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.107.8991&rep=rep1&type=pdf

- Stair, R. (2008). Principle of information system: a managerial approach. *8th ed. Canada: Thomson Course Technology*, pp : 6-7.
- Wathen,C. N., and Burkell, J., 2002. Believe It or Not: Factors Influencing Credibility on The Web. *Journal of the American Society for Information Science and Technology*, 53(2), 134-144.
- Wilson, P. (1983). *Second-hand knowledge: An inquiry into cognitive authority*. Westport, CT: Greenwood Press.

Tokoh-Tokoh Negara dari Kacamata Pustakawan



Judul Buku : Lensa Kacamata
Penulis : Zahidi Dato' Zainol Rashid
Penerbit : Persatuan Sejarah Malaysia (Cawangan Kedah)
Tahun : 2012
Muka surat : 556 halaman
Pengulas : Shaharom TM Sulaiman

Dalam tradisi kepustakawanan di Malaysia, amat jarang golongan pustakawan yang menceburi dalam dunia penulisan. Dr. Zahidi Zainol Rashid merupakan antara segelintir pustakawan yang menceburi bidang tersebut. Di tangannya, pernah lahir buku Mahathir Menjulung Martabat Malaysia, Mahathir di Mata Umum, dan Che Det dan Pekan Rabu. Minatnya yang mendalam dalam bidang sejarah khususnya sejarah tokoh menyebabkan beliau memberi tumpuan kepada penulisan bercorak biografi.

Dalam buku Lensa Kacamata, Zahidi telah mencatat sisi-sisi menarik tokoh-tokoh Negara seperti Tunku Abd. Rahman (Perdana Menteri Pertama) berdasarkan sejarah lisan yang tidak ditemui dalam buku-buku sejarah biografi Tunku. Tokoh-tokoh lain yang turut diliputinya ialah seniman Omar Rojik, kisah tragis Tan Sri Abd. Rahman Hashim (mantan Ketua Polis Negara ketiga), Tun Mohamed Zahir Ismail (bekas Yang Di Pertua Dewan Rakyat yang juga seorang sasterawan), Tun Syed Ahmad Syed Mahmood Shahabuddin (Mantan Yang DiPertua Negeri Melaka) kisah cinta penyanyi tahun 1950an Allahyarham R. Azmi.

Zahidi juga menelusuri tokoh-tokoh yang namanya jarang dikenali tetapi memberi sumbangan dalam bidang tertentu dan mencipta nama di peringkat antarabangsa seperti A.B. Ibrahim (Pelukis kelahiran Kedah), Allahyarham Dr. Katni Kamsono Kibat (Ahli akademik terulung dalam bidang kepustakawanan dan pengajian maklumat di Malaysia),


Abd. Halim 'R' (Pejuang sastera tradisi), Haji Mat Lala (Ulama yang seangkatan dengan Tok Kenali).

Dalam buku ini, Zahidi telah memperkasa kisah tokoh-tokoh besar Negara dan dalam masa yang sama memperkenalkan tokoh-tokoh 'kecil' yang banyak berjasa. Antara yang 'besar' dan 'kecil' sebenarnya tiada perbezaan, yang pentingnya perlu banyak kajian dan penulisan tentang tokoh-tokoh tersebut agar masyarakat Malaysia mengenalinya dan sumbangan-sumbangan yang telah diberikan. Bak kata Almarhum Sukarno (Mantan Presiden Indonesia), "Bangsa yang tidak mengenal pemikir (termasuk tokoh-tokoh) bangsanya adalah bangsa yang kerdil". Melalui tokoh-tokoh ini, Zahidi tidak hanya menulis hal-hal 'rasmi' sahaja tetapi turut memuatkan sisi-sisi menarik kemanusiaan dalam kehidupan tokoh-tokoh tersebut.

Dalam buku ini, Zahidi turut melakarkan pengetahuannya yang meluas dalam bidang sains, sejarah, dan kepustakawanan melalui pelbagai tulisan yang menyentuh tersebut. Berdasarkan sejarah tradisi kepustakawan silam khususnya dalam peradaban Islam, para pustakawan adalah seorang ilmuwan kerana terdedah secara langsung dengan dunia ilmu dan perbukuan. Kerana itulah mereka mampu memahami banyak hal berkaitan pelbagai ilmu pengetahuan kerana minat budaya membacanya yang mendalam.

Namun yang menarik dalam buku ini, beliau menceritakan pengalaman kembaranya mengunjungi kampung-kampung buku di Eropah iaitu Hay on-Wye (Wales), Redu (Belgium) dan Bredevoort (Belanda). Pengalaman 'memburu' buku di kampung buku tentu sekali pengalaman yang unik dan istimewa berbanding pengalaman 'memburu' barang-barang di shopping mall atau kompleks-kompleks membeli belah mega. Buku ini sewajarnya dimiliki oleh perpustakaan-perpustakaan di Malaysia kerana ianya ditulis oleh seorang pustakawan yang memberi sumbangan bermakna dalam bidang penulisan.

Perpustakaan Digital : Isu dan Cabaran



Judul Buku : Digital Libraries: Issues and Challenges
Penyelenggara : Wan Ab. Kadir Wan Dollah, Mustaffa Darimi, Mohd. Zaihan Hussin, Gopi Ghantan Mylvagam
Penerbit : UiTM Publication Centre
Tahun : 2011
Muka surat : 105 halaman
Pengulas : Shaharom TM Sulaiman

Banyak nama telah diberikan kepada perpustakaan dalam Abad ke 21. Antaranya; perpustakaan elektronik, perpustakaan maya, perpustakaan digital dan perpustakaan 'tanpa dinding'. Walau apa pun nama yang diberikan, sedikit sebanyak ada perbezaannya tetapi begitu kecil sehingga penggunaan mana-mana istilah sekalipun boleh membayangkan perkara yang sama. Namun, yang jelasnya perpustakaan-perpustakaan tersebut amat diwarnai oleh perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang canggih.

Koleksi perpustakaanya tentu sekali berorientasikan digital, dan organisasi maklumatnya menggabungkan penggunaan alat-alat elektronik, sumber-sumber maya, pangkalan data dalam talian dan perkhidmatan perpustakaan juga semakin canggih, mudah dan segera. Pokoknya, perpustakaan telah memberi keselesaan kepada penggunaanya.

Dari segi konsepnya, hampir semua perpustakaan di Malaysia telah pun menuju ke arah digital bergantung pada tahap perlaksanaannya sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya. Kehadiran internet telah menyemarakkan lagi fungsi perpustakaan digital.

Di Malaysia, tidak banyak penulisan tentang perpustakaan digital, maya, elektronik dan semacamnya diabadikan dalam bentuk penerbitan buku. Kehadiran buku ini telah memberi sumbangan yang amat bermakna kepada pemahaman pelaksanaan, cabaran dan isu-isu yang berkaitan perpustakaan digital di Malaysia. Tulisan-tulisan ini bukan bersifat teori dan konseptual semata tetapi turut memuatkan kajian-kajian yang telah dibuat di beberapa perpustakaan di Malaysia.

Bagi para pengurus maklumat, pustakawan dan pekerja-pekerja 'maklumat', buku ini perlu dimiliki dan menjadi bahan bacaan yang amat berguna dalam bidang kerjaya yang diceburinya.